

MENINGKATKAN PENGUASAAN MURID TAHUN LIMA MEMBANDING BEZA PEMBAHAGIAN NEGERI-NEGERI TANAH MELAYU JAJAHAN BRITISH DENGAN MENGGUNAKAN PAPAN SUPAS

Alister Singkun
alister1210@gmail.com

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk membantu murid dalam meningkatkan lagi penguasaan dalam membanding beza untuk matapelajaran Pendidikan Sejarah dalam tajuk Penjajahan dan Campur Tangan British untuk murid Tahun 5 dengan permainan Papan SUPAS dan juga untuk menambah baik amalan saya sebagai seorang guru sejarah. Peserta kajian terdiri daripada penyelidik sendiri dan empat orang murid Tahun Lima dengan penguasaan yang lemah dalam membanding beza pembahagian negeri-negeri di bawah pemerintahan British iaitu Negeri-negeri Selat (NNS), NNMB, dan NNMTB. Kajian tindakan ini adalah merupakan suatu adaptasi daripada permainan mahjong dan sahibba, yang menggunakan konsep menyusun huruf untuk membentuk perkataan. Kaedah pemerhatian, temubual dan analisis dokumen telah digunakan sebagai cara pengumpulan data. Data yang dikumpul kemudiannya dianalisis, diinterpretasi dan ditriangulasi melalui perbincangan bersama rakan kritis dan guru-mentor yang berpengetahuan luas. Hasil keseluruhan kajian menunjukkan bahawa para pelajar saya dapat meningkatkan penguasaan membanding beza mereka dengan menyusun huruf dengan dengan betul berdasarkan warna huruf dan bendera pada kad huruf dan mereka terlibat aktif dalam permainan sepanjang pelaksanaan kajian. Maka, hasil kajian menunjukkan bahawa kajian tindakan ini berjaya meningkatkan penguasaan murid dalam membanding beza NNS, NNMB dan NNMTB. Saya juga dapat mengetahui bahawa strategi intervensi yang menarik akan membolehkan murid untuk memperoleh motivasi lebih tinggi dan menggalakkan mereka untuk menunjukkan komitmen dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Kata kunci: *membanding beza, pembahagian negeri-negeri, Papan SUPAS, warna, permainan*

Abstract

This study aims to help students in enhancing their ability to compare the differences in History subjects in the title of "Penjajahan dan Campur Tangan British" for Year 5. This study was conducted during my third practice at a primary school in the urban area. The objective of this study is to help students improve their ability to compare the divisions of the states under British rule with SUPAS Board and also to improve my practice as a history teacher. The study participants is me and four Year Five students with weak domination in comparing the differences of the divisions of the states under the British that is NNS, NNMB, and NNMTB. The study of this action is an adaptation of Mahjong and Sahibba game, which uses the concept of composing letters to form words. Methods of observation, interviews and analysis of documents have been used as a means of data collection. The overall results showed that my students were able to increase their mastery over their difficulty by correcting the letters based on letters and flags in letter cards and they were actively involved in the game throughout the course of the study. Hence, the results of the study show that this study has succeeded in enhancing the pupil's ability to compare the differences between NNS, NNMB and NNMTB. I also learned that an exciting intervention strategy will enable pupils to gain higher motivation and encourage them to demonstrate commitment in the teaching and learning process.

Keywords: *compare the differences, division of states, SUPAS board, colors, games*

Pengenalan

Pendidikan Sejarah telah kembali diperkenalkan di sekolah rendah bermula pada tahun 2014 yang lalu sebagai satu inisiatif kerajaan untuk meningkatkan sikap patriotisme murid bermula pada peringkat awal. Namun begitu, pengajaran dan pembelajaran sejarah ini tidak harus bertumpu kepada cara menghafal dan mengingat sahaja. Kelemahan sebenar dalam menguasai kurikulum sejarah adalah disebabkan gaya penyampaian yang kurang berkesan. Pengajaran dan pembelajaran yang dirancang secara berstruktur untuk menarik minat dan motivasi murid tidak boleh bergantung kepada satu kaedah pengajaran (Abdul Rahman Rashid, 1995). Guru pada masa kini telah diterapkan dengan cara Pengajaran dan Pembelajaran abad ke-21. Guru sejarah juga tidak boleh ketinggalan dalam mengaplikasikan PAK-21 dalam pengajaran dan pembelajaran agar mampu membantu murid memahami dengan lebih jelas fakta sejarah yang diajar. Berdasarkan dengan itu, penghasilan Kajian Tindakan ini adalah untuk membantu murid membanding beza fakta sejarah terutamanya yang berkaitan dengan tempat secara amnya, dan peristiwa perjuangan tokoh-tokoh tempatan untuk murid tahun 5 secara khususnya. Justeru, saya telah menghasilkan satu Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang dikenali sebagai Papan SUPAS yang diharapkan dapat membantu murid membanding beza pembahagian negeri-negeri yang diduduki British dalam tajuk Penjajahan Kuasa Luar.

Fokus Kajian

Fokus kajian saya ialah untuk mengatasi masalah murid lemah dalam kemahiran membanding beza fakta yang dihadapi dalam kalangan empat orang murid Tahun 5. Murid bukan sahaja lemah dalam membanding beza tetapi perlu dibantu dalam mengenali nama-nama negeri berdasarkan bendera. Oleh sebab itu, saya telah menfokuskan kajian saya kepada meningkatkan kemahiran membanding beza murid terhadap Negeri-negeri Selat (NNS), Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB), dan Negeri-negeri Melayu tidak Bersekutu (NNMTB) dalam tajuk Penjajahan dan Campur Tangan British bagi Sejarah Tahun 5. Kemahiran membanding beza fakta sejarah dengan betul merupakan suatu perkara yang penting. Kajian ini menggunakan permainan Papan SUPAS di mana kaedah ini boleh dijadikan sebagai bahan mainan dan juga sebagai bahan bantu belajar. Morrison (2000) dan Spodek (1973) dalam Fauziah (2008) mengatakan, bermain adalah satu aktiviti semula jadi dan keperluan bagi setiap kanak-kanak. Mereka belajar dan meneroka melalui aktiviti bermain kerana ia dapat meningkatkan daya imaginasi mereka. Selain itu, kaedah yang saya gunakan ini turut membantu murid untuk berkolaborasi antara satu sama lain apabila mereka melaksanakan aktiviti secara berpasangan. Kaedah ini juga dapat membantu murid untuk membanding beza seterusnya mengenali bendera negeri-negeri apabila bermain Papan SUPAS. Apabila murid tidak dapat membanding beza fakta sejarah dengan betul, maka murid mengalami masalah untuk membuat perkaitan tentang sesuatu peristiwa terutamanya dari aspek tempat.

Objektif Kajian dan Soalan Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk meningkatkan penguasaan membanding beza murid dalam tajuk Penjajahan dan Campur Tangan British dengan menggunakan Papan SUPAS. Selain itu, bertujuan untuk meningkatkan kualiti pedagogi pengajaran guru bagi tajuk yang berkaitan. Soalan kajian pula ialah adakah permainan Papan SUPAS dapat membantu meningkatkan penguasaan murid dalam membanding beza negeri-negeri dalam tajuk Penjajahan dan Campur Tangan British? Soalan yang seterusnya ialah sejauhmana permainan Papan SUPAS dapat meningkatkan kualiti pedagogi guru dalam mengajar tajuk yang berkaitan?

Peserta Kajian

Peserta kajian merupakan saya sendiri dan empat orang murid tahun 5 di Sekolah Kebangsaan Jalan Bercabang. Kesemua murid adalah lelaki dan mempunyai tahap pencapaian yang lemah dalam mata pelajaran sejarah dalam ujian yang dijalankan.

Tindakan Yang Dijalankan

Intervensi yang dilaksanakan ini adalah untuk meningkatkan penguasaan membanding beza NNS, NNMB dan NNMTB dalam kalangan murid dengan menggunakan alat Papan SUPAS. Saya telah memilih nama Papan SUPAS bagi intervensi saya kerana perkataan SUPAS yang merupakan singkatan bagi susun (SU) padan (PA) dan asing (AS). Papan pula diambil sebagai nama disebabkan permainan ini memerlukan papan untuk mengasingkan nama negeri bagi NNS, NNMB dan NNMTB. Bagi melaksanakan intervensi ini, sebanyak tiga sesi telah dijalankan dengan berpandukan kepada model Model Kemmis dan McTaggart (1988). Sesi yang pertama yang dijalankan oleh pengkaji ialah mengajar tajuk berkaitan membanding beza NNMB, NNMTB, serta NNS kepada murid di dalam kelas. Kepentingan pelaksanaan sesi ini adalah untuk melihat sejauh mana tahap penguasaan murid dalam membanding beza terhadap tajuk yang diajar. Ini juga membantu guru untuk mendapatkan data awal sebagai panduan bagi pelaksanaan intervensi yang bakal dirancang nanti.

Berdasarkan kepada dapatan dalam sesi yang pertama, pengkaji telah memilih seramai empat orang peserta kajian dari kelas yang sama. Keempat-empat peserta kajian yang dipilih ini kemudiannya diberikan soalan berkaitan nama-nama negeri NNMB, NNMTB, dan NNS dan diminta menjawab secara individu sebagai langkah guru untuk mendapatkan tinjauan awal pencapaian markah murid sebelum melaksanakan intervensi. Perlu ditekankan bahawa kesemua murid ini diberikan soalan yang berlainan berbanding dengan soalan lembaran kerja yang diberi pada sesi pertama. Semasa pelaksanaan bagi sesi yang ketiga, peserta kajian akan diberikan dua kotak permainan PAPAN SUPAS di mana permainan ini akan dilakukan secara berpasangan. Kedua-dua pasangan ini akan diminta berbincang sebagai satu proses untuk mereka melaksanakan aktiviti ini dengan lebih mudah. Selepas menerangkan arahan permainan, setiap murid akan diberi lembaran kerja mengenai bendera negeri serta aktiviti membanding beza NNS, NNMB dan NNMTB. Papan permainan mempunyai pembahagian berdasarkan warna dan warna ini akan menjadi panduan murid untuk mengasingkan negeri-negeri mengikut warna huruf. Selepas selesai melakukan aktiviti ini, murid akan menulis jawapan yang betul pada lembaran kerja sesuai dengan papan permainan tersebut.



Rajah 1. Murid menggunakan Papan SUPAS.

Pengumpulan data merupakan satu cara yang sistematik mendapatkan sesuatu maklumat yang dikehendaki. Menurut Akhilar & Shamsina (2012) mengatakan bahawa terdapat banyak cara bagaimana seseorang mengumpul data untuk mencapai matlamat menganalisis data. Berdasarkan kajian yang dijalankan, terdapat beberapa instrumen dalam kaedah pengumpulan data iaitu ujian diagnostik, temu bual, soal selidik, pemerhatian dan juga analisis dokumen. Menganalisis data akan dilakukan selepas selesai mengumpul data melalui instrumen-instrumen yang dipilih. Pengkaji memilih untuk menggunakan dua jenis analisis data iaitu analisis kandungan dan analisis pola. Kaedah penyemakan data yang sesuai perlu dipilih agar data yang disemak tidak diragui. Triangulasi ini bermaksud data yang telah dikumpul atau diperolehi perlu disemak secara bersama atau disemak semula oleh pihak lain selain pengkaji untuk menambahkan kebolehpercayaan data tersebut. Antara kaedah yang digunakan pengkaji ialah triangulasi antara kaedah dan juga triangulasi sumber.

Dapatan Kajian

Dapatan kajian ini adalah untuk menjawab soalan kajian yang telah dikemukakan oleh pengkaji pada awal kajian. Berdasarkan soalan kajian 1 dan 2, pengkaji telah memerhati dan merekod maklumat dengan menggunakan borang pemerhatian selain daripada menganalisis dokumen iaitu ujian yang dijalankan kepada peserta kajian dan melakukan temubual bersama rakan praktikum. Semasa menganalisis data, pengkaji telah menggunakan hasil dapatan sebelum aktiviti intervensi, semasa pelaksanaan intervensi dan hasil dapatan selepas pelaksanaan intervensi. Sebelum Papan SUPAS digunakan, saya dapati peserta kajian saya tidak dapat untuk membanding bezakan NNS, NNMB dan NNMTB dengan betul kerana sukar mengingat pembahagian negeri selain tidak mengenali kesemua nama negeri. Kesukaran mereka untuk membanding beza ini berjaya untuk saya kesan berdasarkan kepada hasil lembaran kerja yang telah saya berikan pada akhir sesi PdP yang dijalankan. Sebelum saya menjalankan intervensi, markah yang dicapai oleh keempat-empat peserta kajian yang terlibat adalah rendah dan tidak sampai separuh daripada markah penuh iaitu 28 markah. Ini menunjukkan dengan jelas bahawa mereka sememangnya tidak dapat membanding beza negeri dengan baik dalam tajuk Penjajahan Kuasa Luar ini. Selepas melaksanakan inovasi Papan SUPAS, saya telah memberikan mereka soalan yang sama sekali lagi untuk menguji sekiranya mereka dapat menunjukkan sebarang perubahan dalam membanding beza NNS, NNMB dan NNMTB ini.


Selepas selesai menyemak lembaran kerja ini, saya mendapati bahawa penggunaan Papan SUPAS telah berjaya untuk membantu peserta kajian untuk membuat banding beza dengan lebih baik. Saya juga mendapati mereka boleh berkomunikasi dan berbincang sesama sendiri semasa bermain mengenai kedudukan nama negeri yang berjaya disusun sama ada NNS, NNMB atau NNMTB. Markah peserta kajian sebelum dan selepas penggunaan Papan SUPAS juga telah dikumpulkan dan dibandingkan untuk melihat perbezaan dengan lebih jelas. Markah ini telah ditukarkan dalam bentuk graf untuk memudahkan maklumat ini dianalisis. Dengan melihat kepada jadual di bawah, peserta kajian dilihat menunjukkan peningkatan hampir sekali ganda dalam jumlah markah yang betul berbanding sebelum menggunakan inovasi Papan SUPAS. Markah bagi Amran dilihat meningkat sebanyak 44% berbanding sebelum pelaksanaan intervensi. Markah untuk Azlan pula meningkat sebanyak 62% dan telah mencapai markah 100%. Ah Meng juga menunjukkan peningkatan yang ketara dari segi markah iaitu dari 28% kepada 86%.

Haikal turut mencapai markah 100% daripada 46% dengan peningkatan sebanyak 54%. Markah sebelum dan selepas peserta kajian ini kemudian ditafsir dalam bentuk graf bar untuk menunjukkan dengan lebih jelas perbezaan pencapaian yang telah dicapai murid.

Jadual 1

Markah murid sebelum dan selepas inovasi

Bil	Nama Peserta kajian (Bukan nama sebenar)	Markah (Per 100%) (Sebelum inovasi)	Markah (Per 100%) (Selepas inovasi)
1.	Amran	42%	86%
2.	Azlan	38%	100%
3.	Ah Meng	28%	86%
4.	Haikal	46%	100%



Rajah 1: Markah sebelum dan selepas murid

Hasil temu bual yang saya jalankan bersama dengan peserta kajian saya juga menunjukkan bahawa mereka berasa seronok dan gembira semasa bermain permainan Papan SUPAS ini. Selain itu mereka turut menyatakan bahawa permainan ini telah memudahkan mereka untuk membanding beza NNS, NNMB dan juga NNMTB.

Guru	:	Apakah yang dapat kamu katakan tentang permainan Papan SUPAS ini?
Haikal	:	Saya berasa seronok cikgu. Saya menang lawan Ah Meng tadi.
Guru	:	Adakah PAPAN SUPAS ini membantu kamu mengenali nama negeri dengan betul?
Ah Meng	:	Ya cikgu. Gambar bendera dengan warna huruf memudahkan saya untuk susun nama negeri. Jawab soalan pun senang.
Guru	:	Adakah lebih senang untuk kamu membanding beza NNS, NNMB dan NNMTB dengan permainan ini?
Azlan	:	Senang cikgu. Kami Cuma ikut warna pada kad huruf.

Rajah 2: Temu bual bersama murid

Berdasarkan transkrip temu bual tersebut, dapat saya simpulkan bahawa penggunaan Papan SUPAS memang telah banyak membantu peserta kajian saya untuk menyelesaikan masalahnya dalam membanding beza negeri-negeri di bawah pentadbiran British. Mereka bukan sahaja berjaya untuk mengenali nama-nama negeri melalui bendera tetapi juga telah berjaya untuk mengasingkan dan sekaligus membanding beza NNS, NNMB dan NNMTB. Oleh sebab itu, saya berasa yakin bahawa saya telah berjaya untuk menambah baik amalan pedagogi saya dengan menghasilkan BBM yang menarik minat murid untuk mempelajari tajuk yang kurang difahami sebelumnya oleh mereka. Mereka juga dilihat lebih mudah untuk membanding beza sekaligus telah membantu saya untuk mencapai objektif kajian saya.

Refleksi

Sewaktu saya meletakkan diri saya sebagai penyelidik, saya memperhatikan bahawa aspek-aspek ini adalah penting untuk diperbaiki bukan sahaja oleh saya sendiri, tetapi terutamanya kepada peserta kajian yang telah saya pilih. Dari segi kekuatan dalam penggunaan inovasi Papan SUPAS, saya secara peribadi percaya bahawa penggunaan papan permainan seperti ini sangat praktikal untuk digunakan dalam situasi bilik darjah di mana ianya dapat meningkatkan kebolehan murid saya dalam membanding beza dalam tajuk yang telah dipilih iaitu Penjajahan dan Campur Tangan British. Hasil dapatan kajian ini juga telah membuktikan bahawa permainan Papan SUPAS dapat membantu murid membanding beza dengan lebih baik. Selepas penyelidikan tindakan ini dijalankan, peserta kajian juga dilihat lebih yakin bersoal jawab dengan guru. Secara keseluruhannya, saya telah merasakan bahawa saya telah memilih teknik pengajaran yang tepat untuk membantu murid menguasai kemahiran membanding beza NNS, NNMB dan NNMTB. Hasil dapatan kajian juga menunjukkan bahawa permainan Papan SUPAS mendatangkan manfaat kepada murid untuk mencapai keputusan yang baik dalam ujian yang dilakukan selepas permainan diselesaikan. Saya juga amat berpuas hati dengan pencapaian yang diperolehi oleh murid berbanding dengan keputusan sebelumnya.

Cadangan Tindakan Susulan

Pelaksanaan permainan Papan SUPAS untuk penyelidikan tindakan ini telahpun dikira berjaya melalui hasil dapatan yang menunjukkan keputusan yang positif. Bagaimanapun, ini tidak bermakna bahawa tidak wujud apa-apa kelemahan atau penambahbaikan yang perlu diambil perhatian terutamanya jika permainan ini mahu digunakan secara lebih menyeluruh dalam pengajaran sejarah. Misalnya, cara permainan boleh ditukar dengan bermain dalam beberapa peringkat dengan peringkat yang pertama adalah melibatkan penggunaan warna bagi membezakan NNS, NNMB dan NNMTB. Soalan juga boleh dipelbagaikan dengan mengemukakan soalan yang lebih kepada menguji tahap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi murid. Penggunaan Papan SUPAS juga sebenarnya boleh dipelbagaikan lagi untuk mengajar tajuk-tajuk lain yang melibatkan proses membanding beza fakta sejarah. Ini disebabkan konsep bagi permainan ini agak mudah dan senang untuk disesuaikan dengan tajuk-tajuk yang lain. Pada masa akan datang, jumlah pemain dalam satu-satu masa permainan juga boleh ditambah agar murid dapat bermain dengan lebih seronok sambil bersaing secara sihat ketika mempelajari fakta-fakta sejarah.

Rujukan

- Abdul Rahman Rashid. (1995). *Kepentingan Alat Bantu Mengajar Dalam Pengajaran Bahasa*. Jurnal Teknologi Pendidikan. KPM. Kuala Lumpur.
- Akhlar Pardi & Shamsina Shamsuddin. (2015). *Pengantar Penyelidikan Tindakan*. Selangor Darul Ehsan: Sasbadi Sdn. Bhd.
- Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan. (2008). Buku Manual Kajian Tindakan Edisi Ketiga, Putarajaya: KPM.
- Chow, F. M., & Jaizah Mahamud. (2011). *Kajian Tindakan: Konsep & Amalan dalam Pengajaran*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Ernest T. Stringer. (2008). *Action Research Third Edition*. Singapore: Sage Publications Asia-Pacific Pte Ltd.
- Fauziah Md.Jaafar. (2008). *Kepentingan Aktiviti Bermain Di Dalam Pendidikan Prasekolah*. Kuala Lumpur: Kolej Sastera dan Sains.
- Noriati A. Rashid et al. (2010). *Guru dan Cabaran Semasa*. Selangor Darul Ehsan: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Slavin, R.E. (1995). *Cooperative Learning: Theory, Research and Practise*. Boston: Allyn and Baco